

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 11 NOVEMBER 2013

Y.B. CIK WONG SHU QI (SENAI)
SOALAN A68

Selain daripada empat (4) stesen pengawasan kualiti udara sedia ada, sila senaraikan stesen-stesen akan ditubuhkan dalam daerah lain serta kos pembinaan stesen tersebut mengikut daerah?

JAWAPAN Y.B. DATUK HAJI AYUB BIN RAHMAT

Selain daripada Stesen Pengawasan Kualiti Udara yang sedia ada iaitu di Johor Bahru (Larkin), Kota Tinggi, Muar dan Pasir Gudang, pihak Jabatan Alam Sekitar mencadangkan agar penempatan enam (6) buah lagi stesen di setiap daerah yang masih belum memiliki Stesen Pengawasan Kualiti Udara dibuat. Daerah-daerah tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kulaijaya
- ii. Kluang
- iii. Batu Pahat
- iv. Ledang
- v. Segamat
- vi. Mersing

Kos pembinaan bagi setiap stesen adalah sebanyak RM500,000.00. Kos ini tidak termasuk kos penyewaan bagi tapak pembinaan stesen kerana penempatan stesen tersebut perlu dibuat di kawasan yang selamat seperti di kawasan sekolah yang telah dikenal pasti terlebih dahulu.